



STATISTIK HARI INI

oleh DOSM pada 12:00 tengah hari



STATS ALERT: #210 | 10 SEPTEMBER 2024 | SDDS



PERANGKAAAN PEMBUATAN JULAI 2024

Nilai Jualan Sektor Pembuatan, Julai 2024


Nilai jualan sektor Pembuatan mencapai RM157.1 bilion pada Julai 2024, mencatatkan peningkatan 9.1 peratus berbanding setahun yang lalu. Lebih dua pertiga daripada nilai jualan Pembuatan disumbangkan oleh subsektor Peralatan Elektrik & Elektronik (33.5%); Petroleum, Kimia, Getah & Plastik (26.3%); dan Makanan, Minuman & Tembakau (18.0%)



Subsektor dengan pertumbuhan tahun ke tahun tertinggi bagi nilai jualan, Julai 2024		
Makanan, Minuman & Tembakau	Produk Mineral Bukan Logam, Logam Asas dan Produk Logam yang Direka	Produk Tekstil, Pakaian, Kulit dan Kasut
YoY : 16.0%	YoY : 11.1%	YoY : 9.7%
MoM : 4.3%	MoM : -2.9%	MoM : 5.2%



Bilangan Pekerja dan Gaji & Upah, Julai 2024

Seramai **2.37 juta orang pekerja** terlibat dalam sektor Pembuatan pada Julai 2024, meningkat sebanyak **1.3 peratus** tahun ke tahun. Sementara itu, gaji & upah tumbuh **2.4 peratus** untuk merekodkan **RM8.12 bilion**



Industri Berorientasikan Eksport and Domestik

Nilai jualan industri berorientasikan eksport meningkat sebanyak **9.4 peratus** manakala industri berorientasikan domestik berkembang sebanyak **8.4 peratus** pada Julai 2024



%YoY: Peratusan perubahan tahun ke tahun | b: bilion
%MoM: Peratusan perubahan bulan ke bulan

Sumber: Perangkaan Pembuatan Malaysia, Julai 2024, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



Nilai jualan sektor Pembuatan mencapai RM157.1 bilion pada Julai 2024, mencatatkan peningkatan 9.1 peratus berbanding setahun yang lalu

- Nilai jualan sektor Pembuatan meningkat 9.1 peratus untuk mencapai RM157.1 bilion pada Julai 2024 (Julai 2023: -3.0%), menunjukkan pertumbuhan tertinggi sejak Februari 2023 (10.3%). Peningkatan ini sebahagian besarnya dipacu oleh pertumbuhan dua digit iaitu sebanyak 16.0 peratus (Jun 2024: 8.6%) dalam subsektor Makanan, minuman & tembakau; diikuti oleh subsektor Peralatan elektrik & elektronik (8.2 peratus); dan Petroleum, kimia, getah & plastik (6.2 peratus). Berasaskan bulan ke bulan, nilai jualan tumbuh sebanyak 0.6 peratus daripada RM156.1 bilion pada Jun 2024 (0.8%).
- Industri berorientasikan eksport yang merangkumi 72.3 peratus daripada jumlah nilai jualan, kekal kukuh dengan pertumbuhan 9.4 peratus pada Julai 2024 selepas mencatatkan peningkatan 6.0 peratus pada bulan sebelumnya. Prestasi yang lebih baik ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam industri Pembuatan komputer, produk elektronik dan optikal (9.1%); Pembuatan minyak dan lemak daripada sayuran dan haiwan (23.5%); dan Pembuatan kok dan produk petroleum bertapis (4.8%). Bagi perbandingan bulan ke bulan, nilai jualan industri berorientasikan eksport turun sedikit sebanyak 0.5 peratus (Jun 2024: 3.9%).
- Industri berorientasikan domestik mengukuh pada 8.4 peratus (Jun 2024: 5.5%), dipengaruhi terutamanya oleh Pembuatan produk makanan pada 7.0 peratus. Dalam pada itu, industri Pembuatan kenderaan bermotor, treler dan semi treler memulih kepada 6.2 peratus daripada penurunan 5.2 peratus yang direkodkan pada bulan sebelumnya. Bagi perbandingan secara bulanan, nilai jualan industri berorientasikan domestik meningkat semula sebanyak 3.7 peratus selepas kekal pada trend menurun sejak April 2024 (Jun 2024: -6.7%).
- Terdapat 2.37 juta pekerja terlibat dalam sektor Pembuatan pada Julai 2024, meningkat 1.3 peratus (Jun 2024: 1.0%) berbanding setahun lalu. Pertumbuhan itu sebahagian besarnya disebabkan oleh Makanan, minuman & tembakau (4.0%); Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka (2.3%); dan Kayu, perabot, produk kertas & percetakan (1.2%). Berbanding dengan bulan sebelumnya, bilangan pekerja dalam sektor ini merosot sedikit 0.01 peratus (Jun 2024: -0.3%).

Dikeluarkan oleh: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



@StatsMalaysia



BANI 2024
PERTANIAN
KUNCI KEMAJUAN PERTANIAN



MALAYSIA
MADANI



- Gaji & upah dibayar dalam sektor Pembuatan meningkat sebanyak 2.4 peratus, mencecah jumlah RM8.12 bilion. Ini menjadikan kenaikan purata gaji & upah bulanan setiap pekerja adalah sebanyak 1.2 peratus kepada RM3,429 (Jun 2024: 0.8%; RM3,459). Selari dengan itu, nilai jualan bagi setiap pekerja meningkat sebanyak 7.8 peratus untuk merekodkan RM66,285 (Jun 2024: 4.8%; RM65,874).
- Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun ini (Januari – Julai 2024), nilai jualan kumulatif sektor Pembuatan mencatatkan RM1,078.6 bilion, meningkat 4.5 peratus berbanding tempoh yang sama 2023 (Januari - Julai 2023: RM1,032.6 bilion; 2.5%). Bilangan pekerja meningkat 1.3 peratus kepada sejumlah 2.37 juta orang, manakala gaji & upah tumbuh 1.5 peratus kepada RM57.4 bilion. Selain itu, nilai jualan bagi setiap pekerja berjumlah RM455,213, mencatatkan pertumbuhan sebanyak 3.2 peratus.

